

29 JUN 2000

Mahathir-royalti

PEMBERIAN ROYALTI PETROLEUM KEPADA TERENGGANU SATU KESILAPAN

KUALA LUMPUR, 29 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pemberian royalti petroleum sebanyak lima peratus kepada Terengganu adalah satu kesilapan.

Katanya, royalti itu diberi kerana pada ketika itu kerajaan persekutuan percaya Terengganu sebuah negeri yang miskin.

"Saya ingat ini satu kesilapan, sebab oleh kerana Terengganu dulu diperintah oleh Umno dan kita tidak ambil kira secara teliti tentang hak negeri-negeri di Semenanjung mendapat royalti.

"Oleh sebab itu kita beri kepercayaan Terengganu sebuah negeri yang miskin dan kita percaya pada ketika itu kita punya reserve petroleum kecil dan Terengganu akan mendapat sebanyak-banyaknya RM50 juta sahaja," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Universiti Tenaga Nasional di sini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya mengenai kenyataan beliau Isnin lepas bahawa kerajaan akan mengkaji apa hak Terengganu untuk mendapat royalti petroleum.

Sebelum ini beliau pernah berkata kerajaan juga perlu meneliti sama ada benar royalti petroleum itu menjadi sebahagian daripada perjanjian dengan Terengganu.

Dr Mahathir berkata jika harga petroleum naik, Petronas dijangka membuat keuntungan sebanyak RM32 bilion tahun depan dan ini menjadikannya sebuah syarikat paling untung dalam dunia.

Ditanya mengenai kenyataan Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim yang mahu mendakwa Petronas agar negeri itu turut diberi royalti petroleum, Dr Mahathir berkata ia mungkin boleh memalukan.

"Jika Petronas didapati mengagihkan wang secara yang tidak sepatutnya, kita akan hadapi banyak masalah," katanya.

Dr Mahathir said Shahidan perlu akur kepada nasihat Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya memikir dengan bijak sebelum membawa Petronas ke mahkamah.

-- BERNAMA

ARA AHH MAI